

## FRASA ( 8 markah )

**Arahan :** Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) dalam pertandingan itu
- (2) hadiah yang amat lumayan
- (3) menyediakan video untuk para peserta
- (4) akan melibatkan peserta dari pelbagai sekolah
- (5) amat bangga awak dipilih untuk mewakili sekolah
- (6) tempoh sebulan untuk menghasilkan video tersebut

Dzakir : Kenapa awak kelihatan ceria?

Afif : Oh, sebenarnya, saya baru sahaja mendapat tahu bahawa saya telah dipilih untuk mewakili sekolah dalam pertandingan 'Lensa Bahasa'! Pertandingan ini **(26)** \_\_\_\_\_.

Dzakir : Syabas, Afif. Ini satu peluang yang sangat baik. Saya **(27)** \_\_\_\_\_. Kalau boleh, saya juga ingin turut serta dalam pertandingan tersebut. Tentu banyak pengalaman yang dapat diraih.

Afif : Saya memang sedang mencari rakan untuk bekerjasama bagi menghasilkan video untuk peraduan ini. Masa agak suntuk. Kami diberikan **(28)** \_\_\_\_\_.

Dzakir : Wah, saya amat berminat! Saya boleh tolong awak edit video. Sudikah awak sertakan saya **(29)** \_\_\_\_\_?

Afif : Tentu sekali. Lebih ramai anggota, lebih banyak idea yang dapat kita kongsi bersama. Mana tahu, video kita akan menang nanti.

Dzakir : Terima kasih, Afif, kerana memberikan saya peluang keemasan ini.

Markah yang diperolehi	
------------------------	--

(lihat halaman sebelah)

## KEFAHAMAN 2: RANGSANGAN GRAFIK (10 markah)

Arahan: Teliti brosur yang berikut.

# Pusat Budaya Melayu Singapura : Fiesta Budaya 2018!

Anjuran: Kumpulan Seni Warisan Melayu Singapura  
Tarikh: 24 Oktober 2018  
Masa: 9 pagi hingga 5 petang



**Aktiviti-aktiviti menarik menanti anda!**

*Kenali budaya dan warisan Melayu!*

Cuba permainan tradisional seperti:

- permainan batu seremban
- capteh
- congkak
- sepak raga

Tiada bayaran dikenakan!



### **Pertandingan Sepak Raga Peringkat Kebangsaan (Sekolah Rendah)**

- Terbuka kepada pelajar lelaki dari darjah 3 - 6
- Muat turunkan borang pendaftaran di laman [www.pbms.com.sg](http://www.pbms.com.sg)
- Hantar borang selewat-lewatnya **15 Oktober 2018**, di alamat emel [pbms@gmail.com.sg](mailto:pbms@gmail.com.sg)

Setiap kumpulan pertandingan sepak raga dikenakan bayaran pentadbiran sebanyak \$20.



### **Pameran Kebudayaan & Warisan Melayu**

- seni lukis Melayu seperti batik
- pameran pelbagai jenis wau
- persembahan dikir barat

### **Peraduan Bercerita Darjah 1 – 2**

Membina keyakinan pelajar bertutur dalam bahasa Melayu menerusi peraduan ini.

Para peserta boleh:

- a) memilih cerita
- b) cerita tidak harus melebihi 3 minit
- c) setiap sekolah hanya dibenarkan untuk menghantar 2 pelajar

**Tempat Pertama:** Piala dan baucar \$100

**Tempat Kedua:** Piala dan baucar \$75

**Tempat Ketiga:** Piala dan baucar \$50

Tarikh tutup penghantaran borang: **13 Oktober 2018.**

Setiap peserta dikenakan bayaran pentadbiran sebanyak \$5 seorang.

**Arahan:** Berdasarkan brosur di halaman 2, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 30 hingga Soalan 32. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan di halaman 4.

**30** Tujuan utama aktiviti ini diadakan adalah untuk \_\_\_\_\_.

- (1) melihat seni lukis Melayu
- (2) menyaksikan pelbagai pertandingan dan pameran
- (3) mengenalkan budaya dan warisan Melayu kepada pelajar
- (4) membina keyakinan pelajar bertutur dalam bahasa Melayu

**31** Para pengunjung dapat mengenali pelbagai permainan tradisional apabila \_\_\_\_\_.

- (1) melihat lukisan batik
- (2) melihat pameran pelbagai jenis wau
- (3) menyaksikan persembahan dikir barat
- (4) bermain congkak, sepak raga dan capteh

**32** Borang pendaftaran termasuk bayaran pentadbiran dikenakan untuk \_\_\_\_\_.

- (1) melihat penghasilan batik
- (2) permainan congkak dan capteh
- (3) pertandingan sepak raga dan bercerita
- (4) borang pendaftaran yang dimuat turunkan

<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
<b>30</b>	
<b>31</b>	
<b>32</b>	

Markah yang diperolehi	
------------------------	--

(lihat halaman sebelah)

- 33** Bayangkan kamu Sufian. Kamu memang berniat untuk pergi ke Fiesta Budaya ini bersama teman kamu, Fadli. Kamu ingin meyakinkan Fadli bahawa jika mereka ke sana, mereka akan mendapatkan maklumat-maklumat tentang seni warisan Melayu untuk projek sekolah kamu. Terangkan dua jenis kesenian Melayu yang dapat kamu peroleh apabila ke sana nanti kepada Fadli.

Gunakan informasi dalam brosur untuk melengkapkan nota kamu di bawah ini.  
(4 markah)

Salam Sejahtera Fadli,  
Fadli, Fiesta Budaya akan berlangsung tidak lama lagi. Saya rasa ini peluang yang terbaik untuk kita kumpulkan maklumat untuk projek kesenian Melayu kita kerana \_\_\_\_\_

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

(lihat halaman sebelah)

## KEFAHAMAN 2 ( 22 markah )

**Arahan :** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Datukku sedang melihat ke luar tingkap sambil termenung. Apabila ditegur, dia **tersentak** dari lamunannya. Aku agak risau melihat tingkah-lakunya sejak kebelakangan ini. Aku tidak pasti apa yang membelenggu dirinya. Aku keliru melihat kerenah datukku itu. Persoalan demi persoalan bermain di fikiranku ini apabila melihat datukku.

“Mengapa Atuk kelihatan muram baru-baru ini? Adakah Atuk fikirkan sesuatu?” tanyaku kepada datukku yang sedang duduk di atas kerusi rodanya.

Memandang ke arah wajahku, datukku menjawab pertanyaanku dengan suaranya yang garau. Dia memberitahuku bahawa dia terkenangkan rakan seperjuangannya yang telah lama tiada. Menurutnya, dia pernah berkhidmat kepada negara ketika berlakunya pertarungan antara Singapura dan Jepun pada tahun 1942. Persahabatan datukku dengan rakannya amat rapat. Namun, rakannya itu meninggal dunia akibat terkena peluru ketika sedang merempuh pihak lawan. Kejadian itu berlaku di hadapan datukku yang berada di sampingnya.

Keakraban antara datukku dengan rakannya mula sejak di bangku sekolah lagi. Mereka juga menghabiskan masa bersama sehingga dewasa. Ketika remaja, mereka menjalani latihan yang banyak menguji ketangkasan dan kecekapan mereka. Mereka kerap memberikan semangat kepada satu sama lain supaya dapat meneruskan impian mereka. Selain itu, mereka akan menasihati satu sama lain agar apabila melakukan sesuatu, lakukannya hingga dapat mencapainya tanpa mudah menyerah kalah. Mereka mahu masa hadapan mereka lebih cerah agar dapat keluar dari kepompong kemiskinan. Mereka juga berjanji bahawa walaupun apa yang berlaku, mereka sanggup berkorban meninggalkan keluarga demi untuk memperjuangkan negara dan bangsa.

Melihat ketabahan Atuk, aku berasa bangga dengannya. Atuk dan rakannya merupakan salah seorang pahlawan negara yang telah berkorban dan bertarung nyawa untuk mempertahankan negara. Setelah mendengar penjelasan Atuk, aku sedar bahawa tiada orang lain yang akan mempertahankan negara, kalau bukan anak jati Singapura itu sendiri. Tanpa pengorbanan rakan-rakan seperjuangan datukku yang sanggup bertumpah darah, Singapura tentu tidak akan dapat menikmati keamanan sebagaimana yang dialami sekarang. Datukku wiraku dan kebanggaanku.

**Arahan :** Berdasarkan petikan karangan di halaman 7, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- 34** Menurut petikan, siapakah penulis kepada watak Atuk dalam cerita tersebut? (2 markah)

---

---

---

---

- 35** Hubungan datuk penulis dan rakannya amat rapat. Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan ini. (4 markah)

---

---

---

---

- 36** Menurut penulis, apakah yang difikirkan Atuk apabila sedang melihat ke arah luar tingkap? (2 markah)

---

---

---

---

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

(lihat halaman sebelah)

**37** Datuk dan rakannya mahu sama-sama keluar dari kepompong kemiskinan. Terangkan. (4 markah)

---

---

---

---

**38** Penulis berasa bangga terhadap sumbangan datuknya kepada negara. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini. (4 markah)

---

---

---

---

**39** Terangkan dua sifat datuk. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan kamu. (4 markah)

---

---

---

---

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

(lihat halaman sebelah)

**40** Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. (2 markah)

**(a)** berusaha bersama

---

**(b)** ketenteraman

---

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

**SELESAI**